

DATE : 20 MARCH 2019 (WEDNESDAY)
PAPER : BERITA HARIAN/ DEWAN RAKYAT/ PG 12
TITLE : PENJAWAT AWAM MELEBIHI GRED 48 TAK BOLEH SERTAI
KESATUAN SEKERJA

BERITA HARIAN/DEWAN RAKYAT/PG 12

Penjawat awam melebihi Gred 48 tak boleh sertai kesatuan sekerja

Penjawat awam melebihi Gred 48 tidak dibenarkan menyertai dan menyanggah jawatan dalam kesatuan sekerja kerana wujud percanggahan kepentingan, kata Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar.

Beliau berkata, garis panduan itu terpakai kerana penjawat awam dengan gred sedemikian terbabit dalam penggubalan dan pentadbiran dasar kerajaan.

Sehubungan itu, katanya, jawatan hakiki dipegang penjawat awam melebihi Gred 48 akan ber-

canggah dengan peranan mereka jika terbabit dalam pergerakan kesatuan sekerja.

"Gred 48 sahaja, ia terhenti di situ (penyertaan kesatuan sekerja) kerana peluang kenaikan pangkat selepas itu akan menyebabkan mereka terbabit dalam pentadbiran dasar.

"Oleh itu, mereka dengan sendirinya terhalang memegang apa-apa jawatan kerana ia percanggahan kepentingan sebagai penjawat awam dan ahli kesatuan sekerja," katanya di

Dewan Rakyat.

Giat pinda akta

Beliau menjawab soalan Nairah Ismail (PH-Sekijang) mengenai sama ada Kementerian berhasrat meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959 untuk membenarkan penjawat awam melebihi Gred DG48 menyanggah jawatan dalam kesatuan.

Mahfuz berkata, pihaknya giat meminda akta berkenaan, namun ia tidak memberi kebenaran kepada penjawat awam melebihi

Gred DG48 menyanggah jawatan dan keahlian dalam kesatuan.

"Mereka boleh memohon kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN) untuk memberi pengecualian mengikut Seksyen 27 Akta 262 bagi menyertai kesatuan sekerja atau menjadi anggota, namun tertakluk kepada sekatan perundangan berkaitan.

"Ada 19 kesatuan sekerja yang diberi pengecualian supaya penjawat awam boleh menyertainya, termasuk dalam kalangan guru," katanya.